

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]**

**TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN DR. KELVIN YII WUEN [BANDAR KUCHING]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini perbincangan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk segera melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan juga status penubuhan Jawatankuasa Parlimen untuk memantau pelaksanaan perkara-perkara yang dipersetujui dalam jawatankuasa tersebut.

**JAWAPAN:** **YB DATO HAJJAH HANIFAH HAJAR TAIB, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Assalamualaikum wa rahmatullahi wa barakatuh

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan kini dalam proses akhir dan sedang memuktamadkan cadangan struktur dan komposisi Majlis Khas untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Keputusan untuk penubuhan Majlis Khas ini adalah selaras dengan syor dan keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKK MA63) yang telah dibubarkan pada 18 November 2019 terdahulu. Dijangka perkara berkenaan penubuhan Majlis Khas ini serta hala tuju baharu semakan pelaksanaan MA63 akan dibawa ke Jemaah Menteri dalam tempoh terdekat. Ini termasuklah antara lain hala

tuju selanjutnya berhubung dengan cadangan untuk semakan Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan Persekutuan yang mana masih perlu diperbincangkan dengan lebih lanjut sebelum Jemaah Menteri membuat sebarang keputusan mengenainya. Melalui penubuhan Majlis Khas ini, Kerajaan berpandangan tiada keperluan untuk Jawatankuasa Parlimen ditubuhkan bagi memantau semakan pelaksanaan MA63 seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

2. Berhubung dengan status semasa pelaksanaan 17 daripada 21 perkara yang telah dibentang dalam JKJKK MA63, secara umumnya, agensi-agensi yang bertanggungjawab dijangka memerlukan tempoh sekitar 1-2 tahun untuk melaksanakan keputusan-keputusan tersebut. Manakala baki 4 perkara yang belum selesai seperti **Royalti Minyak dan Bayaran Tunai Petroleum, Mineral Minyak dan Medan Minyak, Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] dan Akta Pelantar Benua 1966 [Akta 83]** akan diteruskan perbincangan selanjutnya dalam Majlis Khas yang bakal ditubuhkan kelak.
3. Kerajaan yakin bahawa kejayaan dalam agenda ini akan meredakan ketidak-puasan hati rakyat di negeri Sabah dan Sarawak yang selama ini merenggangkan perpaduan dan integriti wilayah yang kukuh serta sekaligus akan dapat memperkasakan patriotisma dan nasionalisma negara bangsa.

Sekian, terima kasih.